

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN PUSAT TUISYEN / SEKOLAH MUZIK / INSTITUSI PENDIDIKAN

Bil.	Perkara
1.	Setiap bilik kuliah atau pengajaran hendaklah mempunyai ruang bukaan tingkap minima 10% luas lantai atau dipasang penghawa dingin (air-condition) atau kipas.
2.	Bilangan murid terhad setiap bilik pengajaran berdasarkan kepada 350 kaki padu ruang udara bagi seorang.
3.	Lantai bilik tuisyen hendaklah jenis ‘vinyl’ atau ‘ubin ceramic’ atau ‘parquet’ atau ‘terazzo’ atau yang sama jenisnya. Dindingnya hendaklah jenis ‘washable wall paper’ atau ‘timber panelling’, ‘ubin glazed’ atau “epoxy” atau sama jenisnya dengannya.
4.	Mengadakan peti rawatan kecemasan yang lengkap.
5.	Mengadakan bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan dan lengkap dengan besen cuci tangan yang sempurna. Lantai dan dindingnya hendaklah jenis ubin.kadar bilangan tandas hendaklah 1 unit bagi 25 orang.
6.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih.
7.	Memasang papan tanda ‘dilarang merokok’ dan “jaga kebersihan” yang sempurna dan mencukupi.
8.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang dipremis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya tanpa kebenaran MDKS.
9.	Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba.
10.	Mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan.
11.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu masuk / keluar dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan.
12.	Memastikan premis tiada bunyi bising, kacau ganggu kepada penuntut atau orang awam.
13.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dipremis tanpa lesen atau kebenaran MDKS.
14.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarrannya.
15.	Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air dari Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) / Elektrik dan system pembentungan yang sempurna dan berkeadaan baik / selamat.
16.	Semua barang-barang hendaklah diletak / disimpan atas rak-rak atau kabinet dengan kemas dan teratur.